



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SURAT PEKELILING DALAMAN KEWANGAN BIL. 5 TAHUN 2020

**Kawalan Dalaman Kelulusan Kadar
Bukan Penjawat Awam**

KAWALAN DALAMAN KELULUSAN KADAR BUKAN PENJAWAT AWAM

1. Pendahuluan

1.1 Sebagaimana yang sedia maklum, kelulusan penetapan kadar bagi bukan penjawat awam yang terlibat dalam program rasmi Kerajaan sebelum ini perlu diperolehi daripada Perbendaharaan. Perkara ini adalah disebabkan tiada pekeliling khas dan garis panduan bagi penetapan kadar bukan penjawat awam sebagaimana pekeliling-pekeliling yang diwujudkan untuk penjawat awam.

2. Punca Kuasa

2.1 Berkuat kuasa pada 15 September 2020, Perbendaharaan melalui surat MOF.PAM.600-29/78/1(24) telah menetapkan bahawa kuasa meluluskan kadar bagi bukan penjawat awam yang terlibat dalam program rasmi Kerajaan adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Pengawal tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- i) Kelulusan kadar dilaksanakan berdasarkan **Kawalan Dalaman Kelulusan Kadar Bukan Penjawat Awam**;
- ii) Kementerian perlu mengemukakan Laporan Kelulusan Kadar Bukan Penjawat Awam secara berkala setiap suku tahun iaitu pada setiap 30 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember seperti format di Lampiran; dan
- iii) Bahagian/ Jabatan Kerajaan perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 dan sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah serta tidak berlebih-lebihan dalam melaksanakan program rasmi Kerajaan.

3. Objektif

3.1 Bahagian/ Jabatan perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi dalam penetapan kadar perbelanjaan yang melibatkan bukan penjawat awam:

- i) Prinsip perbelanjaan berhemah selaras PB3.1 dilaksanakan;
- ii) Tiada penompokan kuasa selaras Akta SPRM 2009;

- iii) Perlu ada elemen semak dan imbang dalam menentukan kadar;
- iv) Mengelakkan pembaziran melalui prinsip nilai faedah terbaik; dan
- v) Prinsip integriti dipatuhi.

4. Kaedah Pelaksanaan

4.1 Dua (2) jawatankuasa perlu diwujudkan iaitu:

- i) Jawatankuasa Penilaian; dan
- ii) Jawatan Pelulus.

4.2 Kadar belanja yang melibatkan bukan penjawat awam bagi program-program yang akan dilaksanakan tertakluk kepada pertimbangan kedua-dua jawatankuasa.

4.3 Skop tugas dan peranan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

4.3.1 Jawatankuasa Penilaian (diwujudkan di peringkat pemohon)

4.3.1.1 Skop tugas Jawatankuasa Penilaian:

- i. Memastikan program sedia ada mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk dilaksanakan manakala pelaksanaan program baharu pula perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan terlebih dahulu;
- ii. Memastikan semua permohonan hendaklah dibawa ke Jawatankuasa Penilaian terlebih dahulu untuk penilaian dan perakuan kepada Jawatankuasa Pelulus;
- iii. Mematuhi tatacara perolehan dan kewangan berkaitan yang berkuat kuasa (Contoh: perolehan piala/plak/sijil, hadiah, persembahan artis, social media influencer (selaras PK7.14) dan perkhidmatan ceramah (selaras PK2.1));
- iv. Memastikan harga bagi perkhidmatan/ perbelanjaan bagi bukan penjawat awam adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti serta bersesuaian dengan

keperluan (rujukan atau khidmat nasihat daripada Kementerian/ jabatan yang mempunyai pengalaman mengandaikan program yang setara adalah wajar sekiranya berkaitan); dan

- v. Mematuhi PB3.1 dan memastikan perbelanjaan semua program/ aktiviti dibuat secara berhemah.

4.3.1.2 Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian

Pengerusi	<p><u>Kementerian</u> Setiausaha Bahagian (SUB) atau Timbalan SUB, jika ketiadaan SUB daripada pemilik program</p> <p><u>Jabatan</u> Ketua Pengarah (KP) atau Timbalan KP, jika ketiadaan KP</p>
Ahli	<p>Tiga (3) orang pegawai dengan sekurang-kurangnya seorang P&P.</p> <p>i. Seorang ahli adalah daripada bahagian/ unit pemilik program;</p> <p>ii. Seorang ahli adalah daripada bahagian/ unit yang tidak terlibat secara langsung dengan program; dan</p> <p>iii. Seorang ahli tambahan (pakar/ teknikal/ berpengalaman dalam perolehan yang berkaitan atau setara)</p>
Urus setia	<p><u>Kementerian</u> Bahagian pemilik program</p> <p>Atau</p> <p><u>Jabatan</u> Seksyen/ Unit yang melaksanakan program</p>
Kuorum	Minimum tiga (3) orang termasuk Pengerusi

4.3.1 Jawatankuasa Pelulus (diwujudkan di peringkat Kementerian)

4.3.2.1 Skop tugas Jawatankuasa Pelulus:

- i. Memastikan semua program telah melalui Jawatankuasa Penilaian sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Pelulus;
- ii. Menyemak, mempertimbang dan memutuskan kadar bukan penjawat awam berdasarkan prinsip nilai faedah terbaik yang menguntungkan Kerajaan; dan
- iii. Memastikan tatacara perolehan dan kewangan dipatuhi.

4.3.2.2 Keanggotaan Jawatankuasa Pelulus

Pengerusi	Ketua Setiausaha (KSU) atau Timbalan KSU (PP), (jika ketiadaan KSU)
Ahli	Tiga (3) orang pegawai P&P. <ul style="list-style-type: none"> i. SUB Bahagian Kewangan & Akaun; ii. SUB bahagian pemilik program/ KP/ TKP jabatan pemilik program; dan iii. Seorang ahli tambahan (pakar/ teknikal/ berpengalaman dalam perolehan yang berkaitan atau setara)
Urus setia	<u>Kementerian</u> Bahagian pemilik program Atau <u>Jabatan</u> Seksyen/ Unit yang melaksanakan program
Kuorum	Minimum tiga (3) orang termasuk Pengerusi

5. Penutup

- 5.1 Urus setia Jawatankuasa Pelulus perlu melaporkan keputusan penetapan kadar bukan penjawat awam yang terlibat dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus mengikut format di Lampiran.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Tarikh: 28/10/2020